



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN meluangkan masa beramah mesra dengan rakyat jelata.



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejuaraan Sultan Mizan 2016 yang berlangsung di Terengganu International Endurance Park (TIEP).

Perpaduan paksi kesejahteraan rakyat

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

ISLAM amat mementingkan keaman dan kesejahteraan hidup manusia, dengan sikap saling bantu membantu dan bekerjasama dalam melaksanakan perkara-perkara yang membawa kebaikan bersama, menjadi paksi.

Dengan ikatan akidah yang kukuh, persefahaman yang teguh, hubungan baik itu dalam ruang lingkup keluarga, masyarakat dan bangsa serta kehidupan bernegara segala cabaran akan dapat diatasi untuk terus memacu impian masa depan.

Selaku payung yang menjadi teduhan rakyat, soal perpaduan ini tidak pernah lekang disuarakan oleh Sultan Mizan Zainal Abidin agar ia terus dipertahankan dan dimantapkan setiap kali baginda berangkat dalam majlis-majlis bersama rakyat.

Baginda sentiasa memberi pandangan, teguran dan peringatan di samping menyuarakan kebimbangan tentang perkembangan di dalam dan luar negeri agar segala yang dinikmati dan dikecap tidak terhakis dan beranus lenyap.

Dengan perubahan zaman dan perkembangan teknologi maklumat, segala prasarana untuk kebaikan ini boleh bertukar menjadi senjata yang menjadi ancaman besar terhadap keharmonian yang dibina sekian lama dengan penularan bibit-bibit persengketaan dan perpecahan.

Kini, keupayaan seseorang berkomunikasi menyampaikan maklumat kepada pihak lain tidak lagi terbatas, sekali gus memudahkan tercurusnya keburukan seperti penyebaran fitnah untuk mempengaruhi pandangan umum sehingga semakin menjadi sindrom yang parah.

Menyentuh soal itu, ketika beritah merasmikan sambutan Maal Hijrah peringkat negeri baginda menyeru umat Islam lebih berwaspada dengan penyebaran segala bahan sedemikian yang pantas menular menjadi viral dalam laman media sosial.

Baginda melahirkan rasa bimbang dengan fenomena penyebaran fitnah yang berleluasa melalui jaringan komunikasi media baharu seperti Facebook, WhatsApp, laman blog dan khidmat pesanan ringkas yang mudah menarik kepercayaan umum.

Tindakan yang mungkin didorong oleh sangkaan buruk dan



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN dan Sultanah Terengganu Sultanah Nur Zahirah melihat model bandar baharu daerah Kuala Nerus.

Dengan perubahan zaman dan perkembangan teknologi maklumat, segala prasarana untuk kebaikan ini boleh bertukar menjadi senjata yang menjadi ancaman besar terhadap keharmonian yang dibina sekian lama dengan penularan bibit-bibit persengketaan dan perpecahan.

ma kesejahteraan dan semua harus kembali menurut kehendak Islam dengan berpadu untuk membina semula kekuatan agar kesejahteraan terus diwarisi.

Baginda menegaskan bahawa apa yang dinikmati tidak akan berpanjangan jika rakyat sendiri mengambil sikap mudah dan tidak ambil peduli sehingga menjejaskan dan merosakkan apa yang telah terbina.

Sultan Mizan merupakan sultan ke-16 dalam jurai kesultanan Terengganu yang diasaskan oleh Sultan Zainal Abidin Shah 1 lebih 300 tahun lalu.

Mewarisi sifat ayahanda, Sultan Mizan meneruskan kegemilangan institusi istana yang meletakkan baginda pada kedudukan yang disanjung.

Turut mengesankan rakyat apabila menjadi rutin baginda menaikkan solat Jumaat di masjid ber-

lain menitikberatkan pencapaian anak negeri dalam pendidikan dan kelestarian alam sekitar.

Malah institusi itu yang dilancarkan pada 19 Julai 2005, bersempena hari ulang tahun ke-43 keputeraan baginda menjadi cerminan hubungan antara istana dan rakyat yang tidak terpisah.

Baginda sendiri bertindak proaktif dengan melibatkan diri secara langsung dengan pengurusan setiap mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDSM dan sebahagian besar aktiviti yang dijalankan telah mencapai matlamatnya.

Penglibatan dan iltizam yang

diperlihatkan dengan mengambil berat berkenaan impak keberkesanan program membuktikan bahawa baginda sangat teliti dan serius dalam setiap tindakannya lebih-lebih lagi jika ia bersangkutan dengan permasalahan nasib rakyat.

Seiring dengan perhatian mendalam baginda terhadap kecermerlangan pendidikan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), menubuhkan Kursi Sultan Mizan pada tahun lalu bagi tujuan pencarian dan pengembangan ilmu serta menjadi pemacu kepada penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi dalam bidang-bidang



Pe
ilti
di
mu
be
ke
me
ba
sa
da
se
lel
jik
de
na

terte
Se
kan,
Roya
(RTE
berku
dapa
untu
De
terse
gindri
antar
Kual
turut
han-
Be
ang
anak
Anta
tusk
dikaw
baw
dan)
Se
ngir
men
men
dala
gan
gan
arah
bih
ngar